



5 Disember 2013
5 December 2013
P.U. (A) 352

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH RUMAH PENYEMBELIHAN
(FI PELESENAN) 2013

ABATTOIRS (LICENSING FEES) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RUMAH PENYEMBELIHAN (PENSWASTAAN) 1993

KAEDAH-KAEDAH RUMAH PENYEMBELIHAN (FI PELESENAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 11(2)(f) Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 [*Akta 507*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Rumah Penyembelihan (Fi Pelesenan) 2013**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pihak berkuasa veterinar” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Binatang 1953 [*Akta 647*].

Fi

3. (1) Fi yang dikenakan bagi lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 3 Akta adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Fi yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa veterinar melalui apa-apa kaedah dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

JADUAL

[Subkaedah 3(1)]

FI BAGI LESEN MENJALANKAN RUMAH PENYEMBELIHAN

Fi permohonan	RM100 setiap permohonan
Fi tahunan	RM300 setiap lesen
Fi bagi menggantikan lesen hilang atau rosak	RM100 setiap lesen
Fi lewat membaharui lesen	RM1,000 setiap lesen

Dibuat 18 November 2013
[KP/LA/483/15; PN(PU2)534]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

ABATTOIRS (PRIVATIZATION) ACT 1993

ABATTOIRS (LICENSING FEES) RULES 2013

IN exercise of the powers conferred by paragraph 11(2)(f) of the Abattoirs (Privatization) Act 1993 [Act 507], the Minister makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Abattoirs (Licensing Fees) Rules 2013**.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“veterinary authority” has the same meaning assigned to it by the Animals Act 1953 [Act 647].

Fees

3. (1) The fee imposed for a licence issued under section 3 of the Act shall be as prescribed in the Schedule.

(2) The fee referred to in subrule (1) shall be paid to the veterinary authority by such means and in such manner as determined by the Director General.

SCHEDULE

[Subrule 3(1)]

FEES FOR A LICENCE TO OPERATE AN ABATTOIR

Application fee	RM100 per application
Annual fee	RM300 per licence
Fee for replacement of lost or damaged licence	RM100 per licence
Fee for late renewal	RM1,000 per licence

Made 18 November 2013
[KP/LA/483/15; PN(PU2)534]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
Minister of Agriculture and Agro-based Industry